

Terengganu buat kejutan

➤ Raih lima emas acara kanu di Tasik Timah Taseh

✦ Kagar



Pasukan kanu Terengganu melakukan dua kejutan pada final hari pertama sukan berkenaan yang menawarkan enam pingat emas di Tasik Timah Taseh, semalam.

Dalam perlumbaan yang terpaksa ditangguhkan selama setengah jam akibat petir dan angin kuat pada baki dua acara terakhir iaitu K4 1000m lelaki dan K4 100m wanita, pasukan berkenaan mudah menyerap semua cabaran itu buat meraih keseluruhan lima pingat emas.

Daripada lima kilauan emas itu, dua daripadanya - K2 1000 wanita dan K4 1000 lelaki - masing-masing mencipta kejutan tersendiri apabila memecah re-



Fatin Ajeerah (kiri) dan Akmal Idayu turut **berjaya** baharui rekod kebangsaan acara K2 1000 meter wanita.

kod kebangsaan dan SUKMA, manakala pasukan lelaki meraih kemenangan biarpun hanya dikategorikan sebagai underdog.

Pasukan K2 1000 wanita Terengganu yang disertai Akmal Idayu Mat Razak dan Fatin Ajeerah Wahaba memecah rekod kebangsaan yang juga rekod SUKMA dilakukan Johor pada tahun 2000 iaitu 4 minit

37.800 saat dengan mencatat masa terbaru, 4'34.32s.

Tak sangka menang

"Kami tak sangka boleh menang dan memecah rekod (kebangsaan dan SUKMA)... memang tak sangka," kata Fatin selepas mengetahui perkembangan terbaharu itu.

Pingat perak acara ber-

knaan diraih Wilayah Persekutuan dengan catatan 4'49.92s, manakala gangsa dengan catatan menjadi milik Perlis (5'00.71s).

Sementara itu, K4 1000m lelaki Terengganu disertai Ahmad Shafiq Mohamad, Muhammad Ashraf Naim Mat Azan, Muhammad Uweis Arqroni Rahmat dan Ahmad Idham Mohd Hisyam, mencatat masa 3'42.300s untuk meraih emas yang disifatkan mereka amat berbaloi selepas 40 hari berlatih di sini.

"Kemenangan ini amat berharga buat kami... kami meninggalkan keluarga lebib sebulan untuk berlatih di sini dan kami sangat gembira dengan emas ini," kata Ahmad Idham.

Wilayah Persekutuan muncul pemenang pingat perak dengan mencatat 3'45.350s manakala Perlis mencatat 3'46.720s untuk gangsa.